

Calon PN meninggal dunia, PRN DUN Tioman ditangguh

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA, 19 November 2022, 7:55 am



MD YUNUS RAMLI

BERA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengucapkan takziah kepada keluarga calon Perikatan Nasional (PN) bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tioman, Md. Yunus Ramli atas kematian calon itu awal pagi tadi.

Perdana Menteri berkata, beliau menyerahkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi membuat sebarang keputusan melibatkan kerusi DUN berkenaan. “Pertamanya saya hendak ucapkan takziah kepada keluarga calon DUN Tioman yang meninggal dunia.

Kita serahkan kepada SPR menentukan sama ada meneruskan pilihan raya tanpa Allahyarham atau meletakkan tarikh baharu seperti dilakukan di Padang Serai (Parlimen),” katanya dalam sidang akhbar selepas mengundi di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Kerayong di sini hari ini.

Calon PN DUN Tioman, Md. Yunus Ramli itu dilaporkan meninggal dunia di Hospital Rompin pada pukul 3.30 pagi. Pengarah SPR Pahang, Datuk Zamree Hamli berkata, susulan kematian calon PN itu, pengundian bagi kerusi DUN Tioman ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Bagaimanapun katanya, pengundian bagi Parlimen Rompin dan DUN Ibam dan Muadzam Shah dijalankan seperti biasa. – UTUSAN